

# Pandemik Covid-19, peringatan kepada kesihatan awam, kata Dr Noor Hisham

Bernama - August 14, 2021 8:20 PM



Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, krisis Covid-19 menunjukkan perubahan berskala besar dan meluas boleh dilakukan apabila halangan tertentu diatasi menerusi inovasi dan penyelarasan bersepadu melibatkan semua pihak berkepentingan.

KUALA LUMPUR: Pandemik Covid-19 merupakan satu peringatan kepada sistem kesihatan awam dan perubahan segera yang perlu dilakukan sekarang untuk mengelak bencana seperti pandemik ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata krisis Covid-19 menunjukkan perubahan berskala besar dan meluas boleh dilakukan apabila halangan tertentu diatasi menerusi inovasi dan penyelarasan bersepadu melibatkan semua pihak berkepentingan.

"Dalam jalan yang sama, perubahan serupa dalam dunia pasca pandemik perlu datang dalam bentuk penggalakan dan pencegahan berkesan yang berbaloi.

Dalam kata-kata lain, kita boleh dan perlu melakukan lebih untuk mencegah dan menguruskan dengan lebih baik isu kesihatan kita di dalam kehidupan sebelum kemusnahan yang tidak boleh dibaiki semula dan mengakibatkan kos yang tinggi berlaku," kata beliau ketika menyampaikan ucapannya pada hari kedua Persidangan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021 yang berlangsung secara maya hari ini.

Justeru, Noor Hisham menggesa pengurusan sistem penjagaan kesihatan yang lebih baik dengan menggandakan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit dengan lebih berkesan, mempercepatkan penggunaan teknologi digital serta penyepaduan data dan ketiga, membina pendekatan berbilang sektor untuk menggalakkan pelaburan dan penyumberan semula di belakang inovasi.

Mengambil contoh penyakit kronik, malah sebelum kemunculan Covid-19 bebanan berat penyakit kronik di dalam negara terletak pada nisbah seorang daripada lima individu dewasa atau kira-kira 3.9 juta orang berusia 18 tahun dan ke atas di Malaysia, menderita akibat diabetes.



**Ismail 'meets Mahathir for support' but gets brush-off**

August 15, 2021

**Barber shops, markets among 11 activities allowed from tomorrow**

August 15, 2021

**Beware the new PoVid outbreak in Malaysia**

August 15, 2021

**Umno's pro-Muhyiddin MPs in a bind, says analyst**

August 15, 2021

**Muhyiddin to make a special announcement on Monday?**

August 15, 2021

**Pua and Ong's stand to support PM suspicious, says Ronnie Liu**

Beliau berkata apabila dikawal dengan baik, penyakit ini tidak akan menjadi bebanan berat, maka terdapat keperluan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat secara menyeluruh.

Beliau juga berkata penggunaan aplikasi digital telah dipertingkatkan semasa pandemik Covid-19 dengan pelbagai inisiatif menerusi antara agensi, kerjasama kementerian dan sokongan industri seperti aplikasi MySejahtera.

Menjelaskan lanjut mengenai pembinaan pendekatan pelbagai sektor untuk menggalakkan pelaburan dan penyumberan semula di belakang inovasi, Noor Hisham berkata peningkatan perkongsian adalah penting dan ia hanya boleh berlaku jika semua pihak di dalam sistem bekerjasama.

"Sebagai contoh kerjasama antara AstraZeneca dan University of Oxford untuk pembangunan global dan pengagihan vaksin adenovirus rekombinan yang berpotensi dari universiti itu disasarkan kepada pencegahan jangkitan Covid-19," katanya.

Persidangan dua hari yang dianjurkan KSI Strategic Institute for Asia Pacific (KSI) dengan tema "Mempercepatkan Transformasi Sistem Kesihatan dalam Pandemik – Cabaran & Peluang" dilancarkan Menteri Kesihatan Dr Adham Baba semalam.

### Malaysia needs a competent PM, not a compromise candidate

August 16, 2021

### 11 jenis ekonomi bawah Fasa 1 dibenar beroperasi semula esok

August 15, 2021

#### SPECIAL FEATURES.

